

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (DARI UTARA)

TARIKH: 2 OGOS 2017

MUKA SURAT: 47

Lapor SPRM dakwaan dua PBT beri anugerah

GEORGETOWN - Penang Front Party (PFP) membuat laporan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung dakwaan pembelian anugerah oleh dua pihak berkuasa tempatan (PBT) di negeri ini.

Presidennya, Datuk Patrick Ooi berkata, selain Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), pihaknya turut membuat laporan terhadap Datuk Bandar MBPP, Datuk Maimunah Sharif dan Ketua Menteri, Lim Guan Eng.

Malah beliau turut membuat laporan ke atas bekas Datuk Bandar MBPP, Datuk Patahiah Ismail yang didakwa pernah dianugerahkan Pengurus Perbandaran Terbaik pada 2013.

"Kita mendapati kes ini amat memalukan kerana ia melibatkan dua PBT di Pulau Pinang selain penglibatan Kerajaan Pulau Pinang yang dipimpin Guan Eng. Bagaimana sebuah kerajaan negeri yang mempunyai dua PBT berkuasa besar di negeri ini boleh terlibat dengan kes seperti ini.



Patrick (dua, kanan) menunjukkan kenyataan media yang dikeluarkan MBPP berhubung anugerah itu pada 26 Julai lalu.

Patrick turut menggesa Guan Eng memberi penjelasan sama ada benar kerajaan negeri memberi kelulusan kepada MBPP dan MPSP untuk menyertai anugerah itu seperti yang diakui Maimunah dalam sidang mediannya, Sabtu lalu.

"PFP juga menuntut penjelasan daripada kerajaan negeri dan Guan Eng, adakah benar ada pembayaran kepada Europe Business Assembly (EBA) untuk semua anugerah yang diterima.

"Ini kerana, timbul keraguan kerana Maimunah mengesahkan MBPP dan

MPSP membuat bayaran penyertaan bagi melayakkan kedua-dua PBT menyertai anugerah tersebut," katanya.

Maimunah sebelum ini nafi dakwaan pembelian anugerah oleh MPSP dan MBPP seperti yang didedahkan media, baru-baru ini.

Maimunah turut mengakui MBPP membuat pembayaran yuran penyertaan sebanyak RM20,680 manakala MPSP membayar sebanyak RM18,408 bagi melayakkan mengambil bahagian selain ia mendapat kebenaran kerajaan negeri untuk menyertainya.